
SIARAN BERITA

PENCAPAIAN MyCC 2014 SERTA HALA TUJU 2015

KUALA LUMPUR, 2 Mac 2015 – Sejak bermulanya penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (AP 2010) pada 2012, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah memperkuatkukan persaingan di lanskap perniagaan tempatan.

Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, YB Dato' Sri Hasan Bin Malek, mengimbas kembali, antara pencapaian MyCC pada 2014 adalah peningkatan dalam kes seiring dengan program advokasi yang berterusan. Kata beliau, MyCC telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan memandangkan AP 2010 baru sahaja dikuatkuasakan pada tahun 2012.

Contohnya, berkenaan dengan penguatkuasaan AP 2010, sebanyak 40 kes penyiasatan yang aktif dijalankan oleh MyCC yang melibatkan sektor farmaseutikal, persatuan, logistik, makanan dan pengangkutan. Kes-kes yang telah dikeluarkan keputusan oleh MyCC termasuk aku janji pada tahun 2014, adalah seperti berikut:

- i. Keputusan Akhir bagi MAS-Air Air Asia;
- ii. Keputusan Akhir bagi Pengeluar Ais;
- iii. Keputusan Akhir bagi Persatuan Bakeri dan Manisan Sibu;
- iv. Keputusan Cadangan bagi Megasteel Sdn Bhd;
- v. Aku janji oleh Persatuan Ampunya Lori Pan-Malaysia (PMLOA);
- vi. Aku janji-aku janji oleh Giga Sdn Bhd dan Nexus Mega Carriers Sdn Bhd
- vii. Aku janji oleh *Malaysia Indian Hairdressing Saloon Owners Association* (MIHSOA)

Bagi kes MAS-Air Asia, penalti dengan jumlah sebanyak RM10 juta telah dikenakan kepada setiap syarikat dan kini dalam proses rayuan di Tribunal Rayuan Persaingan. Bagi kes pengeluar ais pula, penalti sebanyak RM252,250 telah dikenakan oleh MyCC. Pihak MyCC juga telah mengeluarkan Keputusan Akhir bagi kes Persatuan Bakeri dan Manisan Sibu, penalti kewangan sebanyak RM 247,730 telah dikenakan kepada 15 pengeluar produk bakeri dan manisan di Sarawak. Manakala, cadangan penalti sebanyak RM4.5 juta akan dikenakan oleh MyCC bagi kes Megasteel Sdn Bhd.

Selain daripada itu, MyCC telah menerima tiga aku janji, diantaranya adalah kes Persatuan Ampunya Lori Pan-Malaysia (PMLOA), kes Giga Sdn Bhd dan Nexus Mega Carriers Sdn Bhd serta *Malaysia Indian Hairdressing Saloon Owners Association* (MIHSOA). Bagi kes PMLOA, kenaikan caj pengangkutan sehingga 15% telah dibatalkan oleh perkhidmatan pengangkutan lori di Malaysia. Untuk kes Giga Sdn Bhd dan Nexus Mega Carriers Sdn Bhd, pasaran perkhidmatan logistik dan pembekalan (aktiviti perkapalan) bagi penghantaran kenderaan bermotor dari pelabuhan di Semenanjung Malaysia ke pelabuhan di Sabah, Sarawak dan Labuan menjadi lebih kompetitif dan pengguna mempunyai banyak pilihan. Giga Sdn Bhd dan Nexus Mega Carriers Sdn Bhd telah membuat akujanji kepada MyCC untuk memberhentikan sebarang aktiviti eksklusiviti dan klausa-klausa yang terdapat dalam perjanjian mereka. Namun jika mana-mana individu atau perusahaan mendapati Giga Sdn Bhd dan Nexus Mega Carriers Sdn Bhd tidak mematuhi mana-mana terma aku janji ini bolehlah membuat aduan mengenai perkara ini kepada MyCC. Bagi kes *Malaysia Indian Hairdressing Saloon Owners Association* (MIHSOA) pula melibatkan pengumuman oleh MIHSOA tentang penetapan harga perkhidmatan pemotongan rambut oleh ahli-ahli persatuan tersebut.

Seiring dengan penguatkuasaan, MyCC juga giat menjalankan 31 program advokasi, kepada agensi Kerajaan, dan persatuan perniagaan dan industri pada tahun 2014.

MyCC telah menerbitkan dua buah buku panduan mengenai kesalahan tipuan bida dalam perolehan awam di bawah AP 2010 pada tahun 2014, iaitu, Bantu kami Kenal Pasti Tipuan Bida dan terjemahan *Guidelines for Fighting Bid Rigging in Public Procurement* (Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam) yang diterbitkan oleh OECD kepada Bahasa Malaysia serta Garis Panduan Rejim Kelonggaran dan Garis Panduan Penalti Kewangan.

Hasil kerjasama dengan Persatuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) pula, satu *Competition Compliance Checklist* telah dibangunkan dan digunakan oleh ahli-ahli FMM pada Disember 2014.

Disamping itu, MyCC telah mengeluarkan sembilan nasihat dasar kepada agensi-agensi Kerajaan yang menyentuh isu-isu persaingan di bawah AP2010, seperti berikut:

- i. Jabatan Perdana Menteri (JPM)
- ii. Unit Perancang Ekonomi (EPU);
- iii. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK);
- iv. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC);
- v. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM);
- vi. Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKMM);
- vii. Kementerian Kesihatan;
- viii. Bank Negara Malaysia (BNM); dan
- ix. Perbadanan Produktiviti Malaysia (*Malaysia Productivity Corporation - MPC*).

Hala Tuju 2015

“Berkaitan dengan hala tuju 2015 pula, MyCC akan memberi tumpuan ke atas sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), farmaseutikal, badan profesional dan isu tipuan bida,” kata Dato’ Sri Hasan Bin Malek.

MyCC akan memberi tumpuan ke atas Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), terutamanya berkenaan usaha advokasi, memandangkan perniagaan di Malaysia yang kebanyakannya terdiri daripada PKS. Hasil dari kajiselidik yang dibangun dan dijalankan bersama SME Corp. tahun lalu, MyCC terus merancang penglibatan yang lebih erat dengan PKS pada tahun 2015.

Memandangkan MyCC telah menerima banyak aduan berkaitan dengan sektor farmaseutikal, pihak MyCC telah mengambil inisiatif untuk memberi tumpuan kepada sektor tersebut.

Berkenaan tentang badan-badan profesional pula, MyCC akan terus mempertingkatkan kerjasama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (*Malaysia Productivity Corporation – MPC*) untuk menjalankan *Regulatory Impact Assessment* (RIA) berkaitan aspek persaingan. Ini merupakan lanjutan daripada penyelidikan dan rundingan awam MyCC sebelum ini mengenai penetapan harga oleh badan professional.

MyCC juga akan terus mengetengahkan isu tipuan bida, berikutan dengan aktiviti advokasi yang dijalankan sebelum ini.

Pada tahun 2015, MyCC akan bekerja ke arah perkongsian strategik dengan badan-badan yang berkaitan contohnya Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), dan Jabatan Audit Negara (JAN) untuk mendapat pemahaman lebih baik dan kerjasama lebih erat dalam memerangi isu tipuan bida di peringkat kebangsaan.

Sebagai Suruhanjaya yang masih berkembang, MyCC akan terus membina daya upaya dan kapasiti institusi disamping memperkuatkan pelaksanaan AP 2010.

---tamat---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Anis Syafiqah, Tel +603 2273 2277 (ext 212), Email: anis@mycc.gov.my

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkusakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.